

Kertas Bil. 55/2015



**MAKLUM BALAS PENYATA YANG TELAH
DIBENTANGKAN SEMASA MESYUARAT
PERTAMA PENGGAL KETIGA
DEWAN NEGERI SELANGOR
YANG KETIGA BELAS
PADA 30 MAC – 3 APRIL DAN
6 – 9 APRIL 2015**

**PENYATA JAWATANKUASA PILIHAN MENGENAI AGENSI, BADAN
BERKANUN DAN ANAK SYARIKAT KERAJAAN NEGERI (JP-ABAS) BAGI
DEWAN NEGERI SELANGOR BERKENAAN KOLEJ UNIVERSITI ISLAM
ANTARABANGSA SELANGOR SDN. BHD. (KUIS)**

KERTAS BILANGAN 7/2015

MAKLUM BALAS PENYATA JAWATANKUASA PILHAN MENGENAI AGENSI, BADAN BERKANUN DAN ANAK SYARIKAT KERAJAAN NEGERI (JP-ABAS) YANG TELAH DIBENTANGKAN SEMASA MESYUARAT PERTAMA PENGKAL KETIGA DEWAN NEGERI SELANGOR YANG KETIGA BELAS PADA 30 MAC-3 APRIL DAN 6-10 APRIL 2015

bil.	Tajuk Penyata	Saranan	Diterima	Ditolak	Ulasan/Tindakan/MMKN
1.	PENYATA JAWATANKUASA PILIHAN MENGENAI AGENSI, BADAN BERKANUN DAN ANAK SYARIKAT KERAJAAN NEGERI (JP-ABAS) BAGI DEWAN NEGERI SELANGOR BERKENAAN KOLEJ UNIVERSITI ISLAM ANTARABANGSA SELANGOR SDN. BHD. (KUIS).	1. Kerajaan Negeri hendaklah menjelaskan peranan dan tujuan KUIS serta menetapkan KPI (Key Performance Index) untuk prestasi kewangan dan prestasi akademik KUIS supaya KUIS dapat mengimbang keperluan menjana keuntungan yang mencukupi dan tanggungjawab sosial. 2. Kerajaan Negeri hendaklah memastikan KUIS dalam mencapai sasaran untuk meningkatkan pengambilan pelajar dengan tidak mengkompromi kualiti pelajar yang dihasilkan.			1. Walaupun KUIS ditubuhkan sebagai sebuah IPTS, tapi ia tidaklah bermatlamatkan keuntungan, ia adalah satu tanggungjawab sosial. KUIS mendukung komitmen Kerajaan Negeri Selangor dan Majlis Agama Islam Selangor (MAIS) di dalam membangunkan agenda pendidikan dan kecemerlangan ilmu. Objektif awal penubuhannya untuk melahirkan lebih ramai tenaga profesional Islam yang mampu memimpin masyarakat serta membangun dan mengembangkan ilmu pengetahuan Islam. 2. a) KUIS telah mempertingkatkan promosi melalui media cetak dan elektronik dan menjalankan Program Gerak Gempur di dalam dan luar Negara serta juga mempromosikan KUIS di sekolah-sekolah. b) KUIS juga telah menerima tajaan dari karangkrat sebanyak RM 500,000.00 untuk mempromosikan KUIS di dalam majalah dan surat khabar terbitan mereka. c) Bilangan pelajar baru juga telah meningkat seperti di jadual 1 & 2.

Jadual 1

Tahun	Jumlah Pelajar		
	Permohonan	Penawaran	Pendaftaran
2010	15,239	8,946	2,570
2011	4,305	3,827	1,625
2012	4,229	3,788	1,360
2013	7,170	4,763	2,136
2014	15,268	7,187	3,172

MAKLUM BALAS PENYATA JAWATANKUASA PILHAN MENGENAI AGENSI, BADAN BERKANUN DAN ANAK SYARIKAT KERAJAAN NEGERI (JP-ABAS) YANG TELAH DIBENTANGKAN SEMASA MESYUARAT PERTAMA PENGKAL KETIGA DEWAN NEGERI SELANGOR YANG KETIGA BELAS PADA 30 MAC-3 APRIL DAN 6-10 APRIL 2015

Bil.	Tajuk Penyata	Saranan	Diterima	Ditolak	Ulasan/Tindakan MMKN															
		3. KUIS hendaklah menyediakan satu rancangan khas untuk tempoh lima tahun sebagai contoh untuk mempertingkatkan prestasi akademik pelajar dan graduannya di mana Kerajaan Selangor yang memberi bantuan kewangan kepada KUIS mesti menjadi sebahagian daripada perangkaan rancangan ini.			Jadual 2 <table><tr><th>Tahun</th><th>Bilangan Pelajar Baru</th><th>% Kenaikan/ (Penurunan)</th></tr><tr><td>2011</td><td>1,624</td><td>-</td></tr><tr><td>2012</td><td>1,360</td><td>-16.26%</td></tr><tr><td>2013</td><td>2,136</td><td>57.06%</td></tr><tr><td>2014</td><td>3,172</td><td>48.50%</td></tr></table> d) Jumlah pelajar aktif di KUIS bagi tahun 2014 adalah sebanyak 5,801 orang pelajar. e) Jumlah permohonan pelajar setakat Mac 2015 adalah sebanyak 10,217 orang bagi kemasukan Jun 2015. 3. Peningkatan pelajar adalah sejajar dengan kapasiti akademik dengan adanya pinjaman mudah daripada Kerajaan Negeri Selangor sebanyak RM 48,544,150.00 untuk membiayai pembinaan infrastruktur baharu, naiktaraf dan baik pulih infrastruktur sedia ada di KUIS. a) KUIS telah mewujudkan Pelan Strategik 5 Tahun (2014-2018) bagi melaksanakan program akademik terkini berteraskan tauhid dimana ianya merangkumi 8 strategi Akademik, 18 Petunjuk Prestasi Utama (KPI) dan 32 Indikator. b) Bagi meningkatkan prestasi akademik pelajar, kerajaan Negeri Selangor telah memberi peruntukan seperti berikut: • RM10 Juta setahun – untuk Tabung Biasiswa khusus untuk anak-anak Selangor yang mempunyai keluarga berpendapatan rendah • RM12 Juta – Dana bantuan Sara Diri Anak Selangor untuk pelajar UNISEL dan KUIS • RM2 Juta – Program Pendidikan Pengajian Tahfiz Al-Quran.	Tahun	Bilangan Pelajar Baru	% Kenaikan/ (Penurunan)	2011	1,624	-	2012	1,360	-16.26%	2013	2,136	57.06%	2014	3,172	48.50%
Tahun	Bilangan Pelajar Baru	% Kenaikan/ (Penurunan)																		
2011	1,624	-																		
2012	1,360	-16.26%																		
2013	2,136	57.06%																		
2014	3,172	48.50%																		

MAKLUM BALAS PENYATA JAWATANKUASA PILHAN MENGENAI AGENSI, BADAN BERKANUN DAN ANAK SYARIKAT KERAJAAN NEGERI (JP-ABAS) YANG TELAH DIBENTANGKAN SEMASA MESYUARAT PERTAMA PENGKAL KETIGA DEWAN NEGERI SELANGOR YANG KETIGA BELAS PADA 30 MAC-3 APRIL DAN 6-10 APRIL 2015

3ii.	Tajuk Penyata	Saranan	Diterima	Ditolak	Ulasan/Tindakan MMKN
	4.	Kerajaan Negeri hendaklah memastikan KUIS mempertingkatkan fokus kepada peningkatan pengambilan pelajar sejajar dengan kapasiti akademik supaya pulangan modal dapat diperoleh.			4. a) Pihak KUIS telah menubuhkan Jawatankuasa Kawalan Kredit yang berfungsi untuk memantau prestasi kewangan (Hasil dan Perbelanjaan) KUIS dan memberi fokus kepada kutipan hutang pelajar. b) Prestasi akademik KUIS juga dipertingkatkan dengan: • Menetapkan KPI Pensyarah • Peningkatan Pensyarah PHD melalui Skim Latihan Akademik KUIS (SLAK) • Memperbanyakkan Penyelidikan dan penerbitan jurnal oleh pensyarah • Mengadakan 'retreat' bengkel penamptan akademik, seminar dan latihan yang berterusan bagi pensyarah bagi meningkatkan prestasi akademik. c) Pihak Pengurusan KUIS akan sentiasa berusaha untuk memastikan prestasi akademik pelajar dan graduan yang dihasilkan sentiasa meningkat bagi tempoh pengajian. • Peningkatan jumlah graduan bagi tahun pengajian 2010-2014 sebanyak 59% berbanding tahun pengajian 2009-2012 iaitu 44.5%. • Ini juga telah dibuktikan dengan pengkalan KUIS di Tier 4 dengan kenaikan kepada 76.4% berbanding 74% sebelumnya dalam audit "SETARA" d) Dalam mencapai sasaran untuk meningkatkan pengambilan pelajar, pihak KUIS tidak mengkompromi kualiti pelajar yang dihasilkan dengan: Membuat tawaran hanya kepada pelajar yang layak dengan syarat yang telah ditetapkan oleh KUIS, MQA dan Kementerian Pengajian Tinggi walaupun permohonan pelajar adalah tinggi. Jumlah terkini permohonan pelajar setakat Mac 2015 adalah sebanyak 10,217 orang bagi kemasukan Jun 2015.

MAKLUM BALAS PENYATA JAWATANKUASA PILHAN MENGENAI AGENSI, BADAN BERKANUN DAN ANAK SYARIKAT KERAJAAN NEGERI (JP-ABAS) YANG TELAH DIBENTANGKAN SEMASA MESYUARAT PERTAMA PENGKAL KETIGA DEWAN NEGERI SELANGOR YANG KETIGA BELAS PADA 30 MAC-3 APRIL DAN 6-10 APRIL 2015

Sil.	Tajuk Penyata	Saranan	Diterima	Ditolak	Ulasan/Tindakan/MMKN
		5. Kerajaan Negeri hendaklah memastikan KUIS tidak terlibat dalam perjanjian yang berat sebelah dan merugikan lagi. 6. Selain itu, Kerajaan Negeri hendaklah melakukan penyiasatan terhadap perjanjian yang ditandatangani itu. 7. Kerajaan Negeri hendaklah mengutamakan keselamatan penyewa asrama pelajar dan tidak mengabaikannya semata-mata untuk memastikan sewa bangunan asrama pelajar dibayar. KUIS harus memastikan asrama pelajar ini akan mendapat sijil CCC dalam masa setahun.			5. Tiada lagi perjanjian berat sebelah yang ditandatangani oleh pihak KUIS. KUIS telah mewujudkan Penasihat Undang-Undang, Bahagian Audit Dalam, Jawatankuasa Pengurusan Risiko dan Jawatankuasa Audit yang dapat membantu dan menasihati KUIS agar perkara yang sama tidak akan berulang. 6. a) Kes ini dalam proses mahkamah. b) Ahli Lembaga Pengarah KUIS juga terdiri daripada Tuan Mohd Azari Harun, Ketua Unit Pendakwaan, Kamar Penasihat Undang-Undang Negeri Selangor yang boleh memberi nasihat berkaitan undang-undang. c) Kes ini telah dimaklumkan kepada Ahli Lembaga Pengarah KUIS. 7. Pihak MAIS bersama-sama pihak KUIS telah mengadakan perundingan untuk menyelesaikan masalah CCC seperti mana dimaklumi.
2.	PENYATA JAWATANKUASA PILIHAN MENGENAI AGENSI, BADAN BERKANUN DAN ANAK SYARIKAT KERAJAAN NEGERI (JP-ABAS) BAGI DEWAN NEGERI SELANGOR BERKENAAN MAIS	1. Kumpulan MAIS Corporation (KMC) hendaklah memastikan rancangan perniagaan MCPSP tercapai dan tidak terlalu bergantung kepada projek yang dikelola oleh MAIS Development Sdn Bhd. 2. KMC hendaklah memastikan MCPSP dapat meningkatkan keupayaan menjaga pendapatan sendiri.			1. Pihak MCPSP telah berusaha memasuki tender luar contohnya tender perolehan JKR. 2. a) MCPSP akan mendapatkan kredit facilities dari pembekal untuk pembelian bahan binaan. b) Pihak MCPSP telah berusaha memasuki tender luar untuk menjaga keuntungan dan keuntungan tersebut akan dijadikan modal projek.